

"MEREKA juga digalakkan untuk terus menerokai segala bidang, sambil sentiasa 'up-to-date' dengan perkembangan. Kita gembira, kerana terdapat sebilangan belia yang berbakat telah berjimak-jinak dengan perusahaan atau perniagaan. Mereka menggunakan daya kreativiti mereka melalui kaedah teknologi infokomunikasi atau ICT. Usaha ini sungguhlah membanggakan."

- Titah Sempena Hari Belia Kebangsaan pada hari Isnin, 28 Syawal 1432 Hijriah, 26 September 2011 Masihi.



"MAKA ke manakah kamu hendak pergi (jika kamu masih mengingkari Al-Qur'an)? Al-Qur'an itu tidak lain hanyalah peringatan bagi sekalian alam. (Iaitu) bagi sesiapa daripada kamu yang mahu tetap di atas jalan yang lurus (Islam). Dan kamu tidak dapat menentukan kehendak kamu kecuali apabila dikehendaki Allah, Tuhan Pencipta dan Pentadbir sekalian alam." - (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Takwir ayat 26-29).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 September.
- Sebagai agen kepada perubahan, kaum belia perlu lebih bijak dan berhati-hati dalam menilai dan memilih perubahan itu kerana bukanlah semua perubahan itu baik, malah ada yang memerlukan kita supaya mengelaknya, iaitu jika perubahan itu membawa impak tidak baik atau tidak selaras dengan aspirasi bangsa.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menegaskan, sebelum membawa atau melahirkan sebarang perubahan, kaum belia dikehendaki untuk memiliki jati diri yang jelas, kukuh dan mantap.

"Ia juga mustahak untuk diisi dengan nilai-nilai ugama dan budaya yang luhur, supaya kelak perubahan itu tidak dibayangi oleh elemen-elemen yang tidak diingini," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-9 Tahun 2014 yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Kebawah DYMM bertitah, jika sesuatu

Belia perlu bijak menilai perubahan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah
Haji Awang Sulaiman,
Saerah Haji Abdul Ghani

perubahan itu menampilkan kebatilan maka perubahan seperti ini tidaklah dialu-alukan, kerana kemunculannya bukan membawa kebaikan tetapi sebaliknya mengundang kerosakan dan ini sangat biasa terjadi di mana-mana, atas nama perubahan, kalau perubahan itu berunsur malapetaka, maka masyarakat yang menerima akan menderita jadinya.

Kita di Brunei, titah baginda, perlulah berhati-hati dengan perkara seumpama itu, cari dan rancanglah

perubahan yang membina bukan perubahan yang merosak.

Baginda seterusnya bertitah mengingatkan kaum belia supaya tidak belajar atau mengambil dari mana-mana yang tidak bermanfaat untuk dipelajari, tetapi belajarlah dari mana dan kepada siapa yang patut dicontohi.

"Inilah cara mengendalikan diri. Para belia mustahak memahami perkara ini. Mengendalikan diri itu bererti juga menguasai keadaan di mana yang perlu. Inilah cabaran yang sangat sukar untuk dihadapi, iaitu cabaran Abad Ke-21 era globalisasi. Cabaran ini tidak pernah sunyi dari agenda memusnahkan kebenaran," titah baginda.

Ke muka 24

Dari Sidang Pengarang.

6 SEPTEMBER 2014 BERSAMAAN 1435 نوالقعدة 11

BELIA BERPOTENSI MENCORAK BANGSA

DENGAN keadaan dunia sekarang berhadapan pelbagai perubahan, ia memberikan kesan kepada cara hidup, sosioekonomi, sistem kepercayaan, nilai dan moral masyarakat yang terlibat dengan perubahan ini. Mereka yang terdedah dengan perubahan ini adalah golongan belia yang juga merupakan penduduk paling ramai di negara ini. Golongan ini seharusnya memainkan peranan yang sewajarnya untuk membangunkan negara. Oleh itu, golongan ini secara tidak langsung menjadi tulang belakang yang akan menentukan hala tuju negara ini pada masa akan datang. Seperti kata pepatah, 'Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara'. Mereka ini memainkan peranan penting dengan menjadi tenaga pekerja dalam pelbagai sektor awam dan swasta di negara kita.

Belia di Negara Brunei Darussalam perlu menyedari hakikat bahawa mereka merupakan golongan yang menjadi harapan sebagai bakal pemimpin negara pada masa akan datang. Hal ini kerana mereka memiliki banyak idea baharu dan mempunyai wawasan yang jelas. Selain itu, golongan belia hendaklah menjadi seorang warganegara yang berguna untuk bangsa, agama dan negara. Jika hasrat ini tercapai, sudah pasti belia di negara ini akan menjadi salah satu penyumbang terbesar dan menjadi nadi utama dalam mengecapi wawasan negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Kesembilan Tahun 2014 menekankan bahawa kaum belia adalah agen kepada perubahan, namun mereka dikehendaki supaya lebih bijak dan berhati-hati dalam menilai dan memilih perubahan tersebut. Hal ini kerana bukan semua perubahan itu baik, malah ada yang memerlukan kita supaya mengelaknya, iaitu jika perubahan yang membawa impak tidak baik atau tidak selaras dengan aspirasi bangsa.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menjelaskan bahawa para belia mempunyai peranan yang sangat besar dalam memelihara dan mengangkat martabat negara. Mereka juga adalah golongan paling berpotensi untuk mencorakkan bangsa dengan apa juar corak yang mereka mahu.

"Bukankah hampir 50 peratus dari jumlah penduduk negara ini terdiri daripada kaum belia? Jumlah sebesar ini merupakan satu 'kuasa' tersendiri," titah baginda.

Dalam titah baginda menegaskan agar kaum belia menggunakan kelebihan tersebut untuk membina diri mereka sendiri dan juga masyarakat. Dengan kelebihan tersebut, para belia akan mampu untuk terus berkembang serta merebut pelbagai peluang yang sentiasa terbuka luas di hadapan yang meliputi peluang menambah kebolehan dan kemahiran.

Di samping itu, Kebawah DYMM menegaskan, sebelum membawa atau melahirkan sebarang perubahan, kaum belia dikehendaki untuk memiliki jati diri yang jelas, kukuh dan mantap. Ia juga mustahak untuk diisi dengan nilai-nilai agama dan budaya yang luhur, supaya kelak perubahan itu tidak dibayangi oleh elemen-elemen yang tidak diingini.

Pada majlis sambutan yang membawa tema 'Bersatu Menghadapi Cabaran Abad Ke-21' tersebut, tiga tokoh belia dan sebuah persatuan belia telah menerima anugerah mereka masing-masing. Anugerah Persatuan Belia telah dianugerahkan kepada Kumpulan Putra Seni, atas penglibatan persatuan ini secara aktif dalam bekerjasama dengan beberapa agensi kerajaan dengan mengadakan pelbagai aktiviti berbentuk kesenian seperti pementasan teater dan drama. Sementara Anugerah Pemimpin Belia Berjasa pula dianugerahkan kepada Awang Mohd. Zefri Ariff bin Mohd. Zain Ariff atas sumbangan jasanya yang bermakna dalam kemajuan, pergerakan dan pembangunan belia. Anugerah Khidmat Belia pula dianugerahkan kepada Awang Mohamad Anwar bin Awang Mohammad, yang telah memberikan sumbangan sukarela secara berterusan untuk masyarakat terutama golongan belia di negara ini. Manakala Anugerah Belia Cemerlang pula dianugerahkan kepada Dayang Lee Ying Shi atas sumbangan jasa cemerlang dan mengharumkan nama negara di arena sukan, di samping memberikan khidmat secara langsung dalam pergerakan dan kemajuan belia dengan semangat iltizam yang tinggi.

Diharap dengan kejayaan golongan belia ini akan memberikan semangat, motivasi serta inspirasi kepada belia yang lainnya untuk memberikan sumbangan bakti mereka kepada negara bagi sama-sama membangun dan memajukan negara. - **Ketua Penyuntingan (Md).**

Doa kesyukuran sempena Hari Belia Kebangsaan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa hadir di Majlis Solat Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, membaca Surah Yaa Siin, Bertahlil serta Doa Kesyukuran sempena sambutan Hari Belia Kebangsaan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan disambut setiap 1 Ogos.

Oleh : Mohammad Arif Matali
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

MANGGIS, Selasa, 2 September. - Sambutan Hari Belia Kebangsaan mensasarkan bagi memartabatkan pergerakan belia dengan memperingati dan mengumpulkan belia-belia seluruh negara dalam satu perhimpunan dengan kegiatan yang bermakna.

Bersempena dengan sambutan tersebut, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah mengadakan Majlis Solat Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Bertahlil serta Doa Kesyukuran di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, di sini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (KBS), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah hadir pada majlis berkenaan.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri KBS, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman; Timbalan Setiausaha Tetap KKBS, Awang Haji Mohd. Noor Jusmin bin Haji Abd. Samad; Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Mohammad dan Pegawai-Pegawai Kanan KKBS.

Majlis juga dihadiri oleh peserta Program Khidmat Bakti Negara, ahli-ahli Persatuan-Persatuan Belia, pelatih-pelatih Pusat Pembangunan Belia, bekas peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara (SSEAYP), bakal peserta SSEAYP, peserta program JABAT, penuntut-penuntut, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), ahli-ahli Kelab Pusat Belia dan penduduk sekitar Kampung Manggis / Madang.

Sambutan Hari Belia Kebangsaan anjuran KKBS disambut setiap 1 Ogos.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-9 Tahun 2014 di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanil Bolkiah (KSNB), Berakas.



BERANGKAT sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Dul Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Dul Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.



SUASANA Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-9 2014 yang disertai oleh para belia daripada pelbagai institusi, persatuan dan pertubuhan sukarelawan yang mengikuti persembahan. Majlis berlangsung di Stadium Tertutup, KSNB, Berakas.

Berangkat ke Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-9 Tahun 2014

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman, Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hamzah Mohiddin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman,
Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-9 Tahun 2014 di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Brunei Darussalam.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, selaku Pengurus Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan dan Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Dul Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Dul Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Perhimpunan Hari Belia Kebangsaan 2014 sempena memperingati Sambutan Hari Belia Kebangsaan yang disambut setiap 1 Ogos turut dihadiri oleh lebih 4,000 belia.

Dalam sambah alu-aluan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam majlis tersebut menyembahyang sesungguhnya keberangkatan Kebawah DYMM mencerminkan akan keprahilan baginda yang berterusan terhadap kemajuan dan perkembangan golongan belia yang merupakan aset yang sangat berharga kepada negara.

Jelas Yang Berhormat, keberangkatan baginda itu juga memberikan peringatan dan dorongan kepada golongan belia di negara ini akan harapan tinggi yang diletakkan kepada mereka untuk memberikan sumbangan yang bermakna kepada pembangunan dan kemajuan bangsa dan negara serta pada mempersiapkan diri mereka untuk menjadi aset negara yang berharga.

Menyentuh mengenai tema sambutan, 'Bersatu Menghadapi Cabaran Abad Ke-21' Yang Berhormat menyatakan, ia merupakan semboyan kepada golongan belia untuk bangun dan bangkit mempersiapkan dan memperlengkap diri mereka dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran serta menanamkan nilai-nilai murni dan luhur yang berdasarkan kepada tatasusila, adat budaya dan ajaran-ajaran agama Islam.

"Dengan demikian mereka akan menjadi golongan yang unggul dan *syummul* lagi berjiwa besar bagi membangunkan diri mereka sendiri, bertanggungjawab kepada keluarga dan masyarakat, sentiasa cinta kepada raja dan negara, taat berugama serta menyumbang kepada pembangunan bangsa," ujar Yang Berhormat.

Acara kemuncak sambutan ialah penyampaian Anugerah Belia Kebangsaan 2014 dalam empat kategori.

Bagi Anugerah Persatuan Belia dianugerahkan kepada Kumpulan Putra Seni yang menerima hadiah berupa wang tunai berjumlah BND5,000 berserta sebuah plak dan sijil penghargaan.

Anugerah Pemimpin Belia Berjaya pula dianugerahkan kepada Awang Mohd. Zefri Ariff bin Mohd. Zain Ariff yang membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND3,000 berserta sebuah plak, kain tenunan dan sijil penghargaan.

Sementara itu, Awang Mohammad Anwar bin Awang Mohammad pula dianugerahkan sebagai penerima Anugerah Khidmat Belia dan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND3,000 berserta sebuah plak, kain tenunan dan sijil penghargaan.

Bagi Anugerah Belia Cemerlang pula, penerima ialah Dayang Lee Ying Shi

membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak BND3,000 berserta sebuah plak, kain tenunan dan sijil penghargaan.

Ikrar Belia dibacakan oleh sekumpulan belia diketuai oleh Awang Haji Abdul Rashid bin Awang Haji Damit, salah seorang belia Kelab Jalinan Akrab Belia Terunggu (JABA).

Sambutan diserikan dengan Persembahan Belia 'Bersatu menghadapi cabaran Abad Ke-21' yang menggetarkan bacaan sajak bertajuk 'Kalau Ada Orang Bertanya' disertai oleh gabungan 100 orang pelajar dari Sekolah Menengah Rimba, 50 orang pelajar dari Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah dan 25 orang pelajar dari Sekolah Menengah Berakas.

Kebawah DYMM dan kerabat diraja kemudiannya berangkat menyaksikan Pameran Belia yang bertemakan 'Dari Belia Untuk Belia', bertempat di Concourse, Stadium Tertutup berkenaan yang memperkenalkan usaha-usaha daripada golongan belia untuk membimbing dan membantu golongan sesama belia selain memperkenalkan usaha bersepada golongan belia di negara ini bergerak dan bergiat aktif dalam pelbagai bidang pada mendukung hasrat dan aspirasi negara.

Pameran yang akan dibuka kepada orang awam selama empat hari ini mengandungi lima kluster iaitu Keusahawanan, Kesukarelawanan, Keagamaan, Pembangunan Diri dan Kebudayaan.

Baginda juga berkenan menerima pesambahan daripada Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2014.

Pengisytiharan Hari Belia Kebangsaan oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi 1 Ogos dijadikan sebagai Hari Belia Kebangsaan adalah satu pengiktirafan dan penghargaan terhadap pergerakan belia di negara ini.

Kerajaan Kebawah DYMM dalam usaha membangun belia negara ini sentiasa memberikan perhatian yang penuh melalui penyediaan berterusan program-program pembangunan kapasiti, kemudahan-kemudahan prasarana, infrastruktur dan bantuan fizikal dan fiskal.

Selain daripada itu, Hari Belia Kebangsaan juga merupakan platform kepada para belia untuk mengadakan perjumpaan khusus bagi menghargai sumbangan dalam pembangunan belia.

Sesuai dengan matlamat sambutan Hari Belia Kebangsaan 2014 iaitu untuk mengiktiraf belia dan pergerakan belia di negara ini, maka adalah diharapkan dengan pelaksanaan sambutan ini akan dapat menggalakkan lebih ramai lagi penglibatan golongan belia di dalam aktiviti-aktiviti kebeliaan khususnya dan terlibat sama dalam usaha pembangunan negara amnya termasuk dalam kerja sukarelawan.

Antara tujuan sambutan ialah untuk memartabatkan pergerakan belia dengan memperingati dan menyambut Hari Belia Kebangsaan, di samping mengumpulkan belia-belia di seluruh negara dalam satu perhimpunan dengan aktiviti-aktiviti yang bermakna dan memberi peluang kepada belia-belia berinteraksi serta bertukar-tukar pandangan dan pendapat dari pelbagai aspek.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama Ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-9 Tahun 2014. Berangkat sama ialah DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Dul Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Dul Pengiran Muda 'Abdul Mateen.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mendengar sambah taklimat mengenai pameran yang disembah oleh para peserta yang menyertai pameran tersebut (kiri dan kanan).



DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berkenan menyaksikan hasil kerja tangan tenunan yang terdapat di ruang pameran tersebut (kiri), sementara gambar kanan, YTM Paduka Seri Dul Pengiran Muda 'Abdul Malik dan YTM Paduka Seri Dul Pengiran Muda 'Abdul Mateen ketika berkenan menyaksikan Pameran Belia yang bertemakan 'Dari Belia Untuk Belia'.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia kurniakan Anugerah Belia Kebangsaan 2014

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,
Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Hamzah Mohiddin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman,
Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 September. - Acara kemuncak Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan tahun ini tertumpu kepada pengurnianan Anugerah Belia Kebangsaan 2014 kepada tiga orang tokoh belia dan sebuah persatuan belia, iaitu Anugerah Persatuan Belia, Anugerah Pemimpin Belia Berjasa, Anugerah Khidmat Belia dan Anugerah Belia Cemerlang.

Berangkat mengurniankan anugerah-anugerah berkenaan ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula-mula berkenan mengurniankan Anugerah Persatuan Belia kepada Kumpulan Putra Seni yang menerima plak, sijil penghargaan dan wang tunai BND5,000.

Kumpulan Putra Seni telah ditubuhkan pada 5 Disember 1984 dan mempunyai keramaian ahli yang melebihi 70 orang yang terdiri daripada golongan belia sendiri.

Dalam usianya yang menjangkau 30 tahun, persatuan ini sangat aktif dalam bekerjasama dengan beberapa agensi kerajaan dalam mengadakan pelbagai aktiviti berbentuk kesenian seperti pementasan teater dan drama.

Selain itu, persatuan ini juga aktif mengadakan bengkel teater mingguan di Pusat Belia dan pernah diundang bagi mengendalikan bengkel di luar negara.

Demi untuk memastikan bidang kebudayaan dan kesenian di negara ini sentiasa berkembang, persatuan ini telah memperkenalkan sebuah projek 'Rumah Pusaka' yang mempersempitkan himpunan cerita-cerita rakyat untuk dipertunjukkan kepada orang ramai dengan mengenakan bayaran sebagai usaha dalam menjana kewangan persatuan berkenaan.

Di samping itu, persatuan ini juga tidak ketinggalan dalam turut sama menyemarakkan acara-acara

keagamaan seperti bertadarus Al-Qur'an sepanjang bulan Ramadan dan sejak tahun 2012 persatuan ini telah melaksanakan program 'Sehari Selembar Qur'an' yang diadakan setiap bulan di rumah ahli-ahli persatuan secara bergilir.

Ketua Dua Kumpulan Putra Seni, Pengiran Kamaruddin bin Pengiran Haji Osman ketika ditemu bual menyarankan para belia di negara ini agar menggunakan masa dengan bijak dan mengalu-alukan penyertaan mereka untuk aktif dalam bidang teater yang dibuka secara percuma.

Kebawah DYMM seterusnya mengurniankan Anugerah Pemimpin Belia Berjasa kepada Awang Mohd. Zefri Ariff bin Mohd. Zain Ariff atas sumbangan jasanya yang bermakna dalam kemajuan, pergerakan dan pembangunan belia.

Jasa-jasa yang disumbangkan oleh beliau memberikan kesan kepada generasi belia di negara ini yang mana anugerah ini juga diberikan sebagai pengiktirafan dan penghormatan yang berterusan dalam melahirkan belia yang berwibawa, berwawasan dan berhemah tinggi.

Penerima anugerah ini merupakan seorang yang bergiat aktif dalam pergerakan belia dan telah menjawat beberapa jawatan tertinggi dalam persatuan-persatuan di dalam negara yang diceburi termasuklah sebagai Setiausaha Agung Tertinggi Majlis Belia Brunei dan Ketua Satu (1) Kumpulan Putra Seni semenjak tahun 1996 hingga sekarang.

Di samping itu, beliau juga pernah dilantik dalam pertubuhan-pertubuhan luar negara sebagai Naib Presiden Asian Youth Council dan Bendahari dalam Committee for ASEAN Youth Cooperation (CAYC) semenjak tahun 2010 hingga 2014.

Penglibatan beliau dalam pergerakan belia ini banyak tertumpu kepada bidang kesenian khususnya dalam bidang pementasan teater dan drama termasuklah dalam penulisan skrip drama dengan melibatkan penyertaan para belia termasuk belia yang tercici.

Melalui penglibatan aktif beliau dalam bidang penulisan ini, beliau

telah banyak diberikan pelbagai anugerah dalam dan luar negara. Sesungguhnya penglibatan dan komitmen beliau dalam pergerakan belia ini sangatlah bermakna dan boleh menjadi aspirasi kepada generasi belia pada masa ini.

Sementara itu, Anugerah Khidmat Belia pula dianugerahkan kepada belia yang telah memberikan sumbangan sukarela secara berterusan untuk masyarakat terutama golongan belia di negara ini.

Penerima anugerah ini diberikan kepada Awang Mohamad Anwar bin Awang Mohammad. Beliau merupakan seorang yang bergiat aktif dalam pergerakan belia secara sukarela sebagai Pengasas dan Pengerusi Society for Community Outreach and Training (SCOT), Negara Brunei Darussalam yang mula ditubuhkan pada bulan Mei 2011.

Walau pun persatuan ini masih baru tetapi telah menunjukkan kemajuan yang aktif menerusi kepimpinan beliau yang mana telah menunjukkan kegigihan, bertanggungjawab dan komitmen yang tinggi dalam mempromosikan usaha-usaha yang dilakukan oleh para belia di dalam negara hingga ke peringkat antarabangsa.

Beliau juga terlibat secara aktif dalam pengendalian program-program berbentuk kemasyarakatan dengan memberikan kesedaran mengenai dengan alam sekitar, selain juga aktif mengikuti pelbagai projek dan program yang dianjurkan di luar negara serta merupakan seorang yang cemerlang dalam akademik dan telah menerima pelbagai anugerah semasa mengikuti pengajian di Universiti Brunei Darussalam.

Ketika ditemui, Awang Mohamad Anwar menyarankan para belia untuk sentiasa mempunyai minat dan *willingness to execute*.

Sementara itu, penerima Anugerah Belia Cemerlang, Dayang Lee Ying Shi dalam temu bual menjelaskan bahawa, beliau tidak menyangka dipilih sebagai penerima anugerah tersebut, namun sememangnya bercita-cita untuk meraih anugerah yang diimpikan itu.

Dayang Lee Ying Shi merupakan salah seorang pelajar yang menuntut di Pusat Tingkatan Enam Meragang dan merupakan salah seorang ahli dalam Brunei Darussalam Wushu Federation sejak tahun 2008 hingga



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniankan plak kepada penerima anugerah Kategori Pemimpin Berjasa, Awang Mohd. Zefri Ariff bin Mohd. Zain Ariff.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menganugerahkan sebuah plak kepada Kumpulan Putra Seni bagi Kategori Anugerah Persatuan Belia.

sekarang.

Sejak menjadi ahli dalam persatuan berkenaan, Dayang Lee Ying Shi telah banyak menyertai pelbagai kejohanan sama ada di dalam dan luar negara dan memperolehi beberapa pingat.

Beliau juga seorang yang gigih dan cekal dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan, rajin dan

berusaha untuk menjalankan tugasnya dengan komitmen yang tinggi.

Kecemerlangannya terserah apabila dianugerahkan pingat emas dalam acara sukan Wushu Taolu Duilian with Weapon semasa Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam Kali Ke-1 pada tahun 2012 yang lalu dan berjaya mengharumkan nama negara dengan mendapat pingat emas bagi sukan Wushu pada Sukan SEA Ke-27, tahun 2013 di Nay Pyi Taw yang lalu.

Sesungguhnya, semangat daya saing dan komitmen beliau ini boleh dijadikan sebagai inspirasi serta ikutan kepada para belia di negara ini untuk sama-sama berusaha dalam mengharumkan nama negara ke arah kecemerlangan.

Anugerah ini diberikan kepada belia yang aktif pada masa kini yang telah memberikan sumbangan jasa dengan cemerlang dan mengharumkan nama negara. Memberikan khidmat secara langsung dalam pergerakan dan kemajuan belia dengan semangat iltizam yang tinggi.

Penerima Anugerah Pemimpin Belia Berjasa, Anugerah Khidmat Belia dan Anugerah Belia Cemerlang menerima plak, kain tenunan, sijil penghargaan dan wang tunai BND3,000.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniankan plak kepada penerima Anugerah Belia Cemerlang, Dayang Lee Ying Shi (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan menganugerahkan sebuah plak kepada penerima Anugerah Khidmat Belia kepada Awang Mohammad Anwar bin Awang Mohammad.

Belia perlu bijak menilai perubahan

Dari muka 1

Di sinilah para belia tidak boleh memandang ringan sebarang cabaran, titah baginda, tetapi mustahak menghayati saranan tema Hari Belia Kebangsaan pada tahun ini ‘Bersatu Menghadapi Cabaran Abad Ke- 21’.

Sesungguhnya abad ini, titah baginda, memang penuh dengan cabaran, tidak siapa pun yang boleh terlepas dari cabaran, sama ada cabaran itu membina atau meruntuh.

Titah baginda, jika cabaran membina, ia wajar kita sambut dengan kegairahan, sementara jika cabaran itu meruntuh, maka kita adalah berkewajipan untuk menyambutnya dengan semangat menolak atau melawan, dalam makna, kita perlu berjaya menolak atau mengagalkannya.

Jika kita berjaya menolak atau mengagalkan cabaran seperti itu, titah baginda, bererti kita adalah penyelamat : penyelamat diri sendiri, penyelamat masyarakat dan penyelamat negara.

“Para belia mesti tampil menjadi wira keadaan. Corakkanlah keadaan itu dengan kebijakan. Biar ia malar

tenteram dan menyenangkan serta berhias dengan perpaduan, persefahaman, dan keharmonian,” titah baginda.

Baginda menambah, satu contoh bagus tentang perpaduan dan persefahaman, terdapat dalam acara-acara Kejohanan Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah Peringkat Belia, melalui acara-acara ini kita dapat menyaksikan kumpulan belia negara-negara ASEAN dan Timor Leste sedang beraksi merealisasikan perpaduan dan persefahaman di antara mereka di mana suasana seperti ini amatlah membanggakan dan malah menghiburkan.

Kita juga gembira, titah baginda, kerana kejohanan ini telah turut diiktiraf oleh Asian Football Confederation (AFC) dan ASEAN Football Federation (AFF) sebagai satu kejohanan bola sepak belia yang terunggul di rantau ini dan ini tidak syak lagi adalah merupakan satu lagi pencapaian bagi agenda dunia ‘Sukan untuk Keamanan dan Pembangunan’ atau Sports for Peace and Development.

Di akhir titah Kebawah DYMM, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada pasukan Tebuan Muda

Negara Brunei Darussalam di atas mutu persembahan mereka yang baik, walaupun tidak dapat meneruskan sehingga ke pusingan berikutnya.

Kebawah DYMM juga sukacita mengucapkan Selamat Menyambut Hari Belia Kebangsaan 2014 kepada semua para belia di negara ini.

Terdahulu baginda bertitah, para belia mempunyai peranan yang sangat besar dalam memelihara dan mengangkat martabat negara dan mereka juga adalah golongan paling berpotensi untuk mencorakkan bangsa dengan apa jua corak yang mereka mahu.

“Bukankah hampir 50 peratus dari jumlah penduduk negara ini terdiri daripada kaum belia? Jumlah yang sebesar ini merupakan satu kuasa tersendiri. Kaum belia perlu menggunakan kelebihan ini untuk membina diri mereka sendiri dan juga masyarakat,” titah baginda.

Dengan kelebihan yang ada itu, titah Kebawah DYMM, mereka adalah mampu untuk terus berkembang dengan merebut pelbagai peluang yang sentiasa terbuka luas di hadapan mereka dan peluang-peluang tersebut turut meliputi, seperti peluang menambah kebolehan dan kemahiran.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kesembilan Tahun 2014 di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.
- Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.